

Rayuan keluar wang KWSP – MB

Kosmo 25/1

JOHOR BAHRU – Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) diminta memberi kelonggaran kepada mangsa-mangsa banjir mengeluarkan caruman bagi membolehkan mereka memulakan kehidupan baru.

Sehubungan itu, perbincangan akan diatur antara ke-

rajaan Johor dan KWSP untuk membolehkan mangsa yang tiada simpanan wang di tangan atau bank memohon pengeluaran caruman.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, beliau berpendapat hanya pengeluaran caruman KWSP langkah yang dapat memban-

tu mangsa banjir terbabit.

“Saya prihatin, sebab itu saya hendak bincang dengan KWSP berhubung masalah ini,” katanya di sini semalam.

Sementara itu, di Kuala Lumpur, KWSP menegaskan, pihaknya tidak nampak ada kemungkinan untuk melulus-

kan permohonan tersebut kerana ia tidak memenuhi syarat di bawah Akta KWSP 1991.

Katanya, selain mencecah usia persaraan, pengeluaran juga dibenarkan bagi pemohon berumur 50 tahun di samping pembiayaan untuk pendidikan peringkat diploma ke atas dan perubatan.